NEGERI SELANGOR

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

Jil. 61
No. 4

**14hb Februari 2008**

*TAMBAHAN*
*No. 1*

**No. 533.**

## RINGKASAN EKSEKUTIF

### ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR BAGI TAHUN 2008

Berdasarkan kepada peruntukan yang telah digariskan oleh Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Selangor 2003, MAIS hendaklah mengambilkira dasar dan strategi pengurusan bagi belanjawan serta meningkatkan hasil dan kecekapan perbelanjaan MAIS. Ini selaras dengan kewajipan MAIS untuk menggalakkan, membantu dan mengusahakan kemajuan serta kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak.

Melihat kepada prestasi kewangan MAIS sehingga Jun 2007, MAIS komited akan dapat mencapai kutipan Zakat, hasil Baitulmal dan terimaan Wakaf seperti yang telah disasarkan untuk dicapai pada tahun 2007. Bagi tidak terlalu selesa dengan keadaan tersebut, pelbagai program dan aktiviti telah dijalankan oleh MAIS bagi menggiatkan lagi kutipan dan hasil tersebut.

Ringkasan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan MAIS bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:

*KUMPULAN WANG ZAKAT (RM)*

| PERKARA | (2008) | (2007) | (2006) |
|---|---|---|---|
| KUTIPAN/PENERIMAAN | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 141,500,010.00 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 141,500,000.00 |
| PERBELANJAAN MODAL | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| LEBIHAN/KURANGAN | 0.00 | 0.00 | 10.00 |

*KUMPULAN WANG BAITULMAL (RM)*

| PERKARA | (2008) | (2007) | (2006) |
|---|---|---|---|
| KUTIPAN/PENERIMAAN | 12,603,436.00 | 9,892,670.00 | 9,050,120.00 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | 11,124,640.00 | 10,200,930.00 | 11,229,010.00 |
| PERBELANJAAN MODAL | 4,039,220.00 | 1,133,470.00 | 12,270,050.00 |
| LIABILITI SEMASA | 980,000.00 | 920,000.00 | 845,010.00 |
| LEBIHAN/KURANGAN | (3,540,424.00) | (2,361,730.00) | (15,293,950.00) |

*KUMPULAN WANG WAKAF (RM)*

| PERKARA | (2008) | (2007) | (2006) |
|---|---|---|---|
| KUTIPAN/PENERIMAAN | 2,396,020.00 | 1,911,030.00 | 5,985,020.00 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | 312,610.00 | 215,030.00 | 125,030.00 |
| PERBELANJAAN MODAL | 800,010.00 | 800,010.00 | 1,800,020.00 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| LEBIHAN/KURANGAN | 1,283,400.00 | 895,990.00 | 4,059,970.00 |

Bajet 2008 memberi tumpuan kepada strategi berikut:

1. Pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlak.
    - 1.1 Meningkatkan modal insan.
    - 1.2 Meneruskan usaha pembasmian kemiskinan.
    - 1.3 Mengangkat martabat insan di kalangan asnaf bagi memperkaya jati diri.
    - 1.4 Menjana kemajuan ummah menerusi pendidikan perdana.

2. Memajukan ekonomi yang perkasa.
    - 2.1 Meningkatkan kutipan wang saham wakaf Selangor daripada ahli korporat dan syarikat-syarikat swasta.
    - 2.2 Memacu ekonomi ummah menerusi pembinaan keusahawanan dan program penjanaan pendapatan.

3. Melaksanakan usaha-usaha dakwah yang berkesan.
    - 3.1 Menyebarluaskan syiar Islam menerusi agenda dakwah.
    - 3.2 Memperkukuh agenda pembelaan saudara kita.
    - 3.3 Mengemudi tuntutan kebajikan umat Islam.

4. Memastikan pengurusan kewangan dan harta yang cekap.
    - 4.1 Melaksanakan sistem maklumat komputer bersepadu terutamanya untuk laporan kewangan dan sewaan yang lebih tepat dan cepat.

4.2 Penyelenggaraan premis-premis sedia ada.

5. Memperkukuhkan pengurusan institusi agama.

5.1 Memperkasakan MAIS melalui pewujudan MAIS Holdings.

5.2 Menggerakkan institusi masjid sebagai pusat kecemerlangan ummah.

5.3 Mewujudkan sebuah pengurusan yang cekap.

Menerusi strategi dan peruntukan-peruntukan yang sederhana bagi melaksanakan program-program tahun 2008, MAIS sendiri dan anak-anak syarikatnya LZS, KUIS dan MAIS Corporation Sdn. Bhd. dengan sokongan kerajaan negeri dan jabatan-jabatan kerajaan lain juga dijangka terus dapat menjadikan MAIS sebagai institusi Islam yang terbaik ke arah pembangunan Ummah Negeri Selangor. Ini selaras dengan seksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:

*'Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak'.*

## ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR

1. LATARBELAKANG

1.1 Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) adalah satu entiti Badan Berkanun Negeri yang berkewajipan untuk memajukan ekonomi dan mewujudkan kesejahteraan umat Islam di negeri Selangor melalui aktiviti-aktiviti yang dirancang dan diberi kuasa sebagaimana seksyen 7 Enakmen Pentadbiran Agama Islam Negeri Selangor 2003. Untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti ini memerlukan kepada perancangan dan kawalan melalui penyediaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan pada setiap tahun.

1.2 Berdasarkan kepada peruntukan yang telah digariskan oleh Amalan Terbaik Pengurusan Kewangan Majlis Agama Islam Selangor 2003, MAIS hendaklah mengambil kira dasar dan strategi pengurusan bagi belanjawan serta meningkatkan hasil dan kecekapan perbelanjaan MAIS.

1.3 Penyediaan Anggaran Pendapatan dan Perbelanjaan MAIS 2008 adalah berdasarkan pengurusan strategi MAIS yang terdiri daripada visi, misi, objektif dan strategi yang digariskan oleh MAIS di samping mengambil kira senario ekonomi tahun 2008 dan Belanjawan Kerajaan Persekutuan 2008, serta prestasi pendapatan dan perbelanjaan MAIS

2007. Ini perlu bagi memastikan Anggaran belanjawan 2008 yang dibuat dapat membantu MAIS mencapai visi, misi dan objektif sebagaimana berikut:

*VISI MAIS*

'Membangunkan Ummah Ke Arah Mendapatkan Keredaan Allah'.

*MISI MAIS*

'Pembangunan Ummah Melalui Pembentukan Masyarakat Berilmu, Beramal, Beriman dan Berakhlak, Ekonomi Yang Perkasa, Usaha-usaha Dakwah Yang Berkesan, Pengurusan Harta Yang Cekap Dan Institusi Agama Yang Proaktif'.

*OBJEKTIF*

'Berusaha meningkatkan kemajuan ekonomi dan kesejahteraan sosial umat Islam Negeri Selangor melalui kaedah penyelidikan, pengurusan dan pembangunan yang sistematik dan lengkap berlandaskan hukum syarak dengan menggunakan sumber MAIS secara optimum.'

1.4 Berdasarkan objektif di atas, MAIS dan anak-anak syarikatnya iaitu Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan MAIS Corporation Sdn. Bhd. (dulunya Bakti Suci) melaksanakan program dan aktiviti hariannya yang telah ditetapkan.

2. PRESTASI TAHUN 2007

2.1 Sehingga Jun tahun 2007, MAIS melalui Lembaga Zakat Selangor mengutip hampir RM50 juta. Kutipan ini dijangka akan terus meningkat terutamanya menjelang bulan Ramadhan dan bulan Disember pada tahun ini. Sasaran kutipan sebanyak RM170 juta dijangka boleh dicapai.

2.2 Dari segi agihan, sehingga Jun 2007 hampir RM56 juta telah diagihkan kepada umat Islam di Selangor yang memberi manfaat kepada ratusan ribu orang melalui program pendidikan, dakwah, sosial, institusi agama dan ekonomi.

2.3 Pada 6 bulan pertama tahun 2007, Baitulmal MAIS telah menerima hasil sebanyak RM5 juta di mana sebahagian besar adalah terdiri daripada hasil sewa berjumlah RM3.375 juta iaitu 67.5% dari keseluruhan hasil. Sumber kedua terbesar Baitulmal ialah Hasil Tebus Pusaka sebanyak RM965 ribu iaitu 19.3% dari jumlah keseluruhan hasil.

2.4 Peningkatan hasil sewa dan Tebus Pusaka adalah kerana keberkesanan strategi-strategi yang telah dilaksanakan oleh MAIS melalui pemantauan

berterusan ke atas penyewa-penyewa dan penebus-penebus tanah pusaka. Dengan strategi tersebut, MAIS yakin akan dapat mencapai sasaran 2007 iaitu sebanyak RM9.8 juta.

2.5 Di samping melaksanakan langkah-langkah strategik bagi meningkatkan kutipan Zakat dan hasil Baitulmal MAIS, MAIS komited dalam melaksanakan pengurusan kewangan dengan berhemah. Sehingga Jun 2007, sebanyak RM4.3 juta telah dibelanjakan bagi menampung belanja mengurus MAIS melalui peruntukan Baitulmal termasuk sumbangan dan pemberian kepada individu atau institusi bagi menaik taraf ekonomi umat Islam di Selangor.

2.6 MAIS telah membelanjakan sebanyak RM1.365 juta untuk tujuan perbelanjaan emolumen sehingga Jun 2007 melalui peruntukan Baitulmal. Sebanyak RM1.39 juta untuk perbelanjaan lain seperti cukai tanah, cukai taksiran, takaful bangunan dan lain-lain caj bayaran termasuk pulangan balik deposit dalam usaha berterusan menjaga dan memelihara aset-aset MAIS.

2.7 Selain mengukuhkan kutipan Zakat dan hasil Baitulmal, MAIS telah memberi perhatian yang serius terhadap aktiviti Wakaf. Sehingga bulan Jun 2007, sebanyak RM586 ribu Saham Wakaf Selangor dan RM78 ribu pendapatan dari harta wakaf iaitu manfaat wakaf telah diterima oleh MAIS dan sumber ini dijangka akan bertambah pada bulan wakaf yang telah ditetapkan pada bulan Rejab setiap tahun. Sebuah Pusat Sumber Digital MAIS menggunakan wang Wakaf telah ditubuhkan di Wisma MAIS, Seksyen 3, Shah Alam dan dinamakan ‘Perpustakaan Wakaf Majlis Agama Islam Selangor’.

2.8 MAIS dari masa ke semasa sentiasa mencari jalan dan strategi terbaik bagi memberi kesedaran kepada orang ramai tentang kewujudan Saham Wakaf Selangor sebagai satu jalan ibadah selain Zakat dan sedekah bagi memberi peluang kepada semua golongan yang berharta atau tidak untuk berwakaf.

2.9 Bagi memperkasakan lagi MAIS, perancangan telah dibuat bagi mendapatkan pengiktirafan MS ISO 9001:2000 yang telah pun bermula pada tahun 2006 dan lebih serius lagi persiapan dibuat pada tahun 2007 untuk menghadapi auditan SIRIM yang telah dijadualkan pada Januari 2008.

3. PROSPEKS 2008

(a) Pembangunan Ekonomi dan Sosial

3.1 Pertumbuhan ekonomi negara terus tumbuh pada kadar 6-6.5% pada tahun 2008. Pertumbuhan ini didorong oleh pelaburan dan penggunaan. Pendapatan per kapita dijangka meningkat pada kadar 6.8% kepada RM23,864 dengan pariti kuasa beli bersamaan USD14,206.

3.2 Sektor perkhidmatan dijangka berkembang pada kadar 8.6%, sektor pembinaan termasuk hartanah berkembang pada kadar 6.3%, pertanian pada 3.5% dan sektor pembuatan pada 3.8%.

3.3 Sumber negara bertambah kukuh dengan tabungan negara kasar berkembang 4.9%, menyumbang 36.6% kadar Keluaran Negara Kasar, dengan pengurangan cukai korporat daripada 28% kepada 27% bagi tahun 2007, 26% bagi tahun 2008 dan 25% dalam tahun 2009. Sementara itu, dividen dikecualikan daripada cukai.

3.4 Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) akan memberi fokus kepada aspek meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam dan menambahbaik daya saing negara.

3.5 Pendidikan percuma untuk semua rakyat dan diberi pinjaman buku teks untuk semua pelajar akan menambah kebajikan dan kesejahteraan rakyat. Program mengatasi kemiskinan di luar dan dalam bandar akan dilaksanakan menerusi latihan, penambahan peluang pekerjaan, modal dan kemudahan. Kerajaan juga akan meningkatkan pembangunan di luar bandar termasuk kesejahteraan dan kualiti hidup masyarakat melalui penyediaan prasarana asas seperti jalan raya, bekalan air dan elektrik serta ICT.

(b) *Kumpulan Wang Zakat*

Kewangan MAIS bagi akaun zakat dijangka akan meningkat sebanyak 20% pada tahun 2008 berbanding anggaran pada tahun 2007.

Kenaikan gaji sektor awam pada Julai 2007 dan berikutan pembentangan belanjawan negara 2008 seperti yang dinyatakan di atas dijangka memberikan impak kepada kutipan zakat pendapatan dan perniagaan. Sokongan Kerajaan Negeri membantu meningkatkan kutipan melalui pelaksanaan pekeliling kerajaan sepenuhnya menerusi potongan gaji yang melibatkan hampir 25,000 kakitangan akan memberi kesan positif terhadap kutipan di masa akan datang.

MAIS melalui LZS meletakkan sasaran kutipan Zakat 2008 sebanyak RM184.6 juta iaitu kenaikan hampir 21% dari anggaran tahun 2007. Dengan meningkatnya kutipan zakat, bermakna jumlah yang dapat diagihkan kepada 8 asnaf yang layak juga akan meningkat.

(c) *Kumpulan Wang Baitulmal*

Pada tahun 2008, hasil Baitulmal dijangka meningkat sebanyak 21%. Peningkatan ini berikutan dengan siapnya Projek Pembinaan Kondominium MAIS di Seksyen 16 Shah Alam di samping peningkatan sumber tebus harta pusaka.

Tindakan tegas MAIS melaksanakan tindakan undang-undang terhadap para penghutang serta mewujudkan perjanjian dalam setiap sewa dan penebusan dijangka dapat menjana hasil dengan lebih tinggi dan teratur.

Walau bagaimanapun, anggaran pendapatan dan perbelanjaan MAIS bagi akaun Baitulmal pada tahun 2008 menunjukkan defisit sebanyak RM3.54 juta. Ini adalah setelah mengambil kira perbelanjaan modal dan liabiliti semasa sebanyak RM5.019 juta. Sekiranya perbelanjaan modal tersebut tidak diambil kira, akaun MAIS menunjukkan lebihan sebanyak RM1.48 juta.

(d) *Kumpulan Wang Wakaf*

Pada tahun 2008 Kumpulan Wang Wakaf dijangka meningkat sebanyak 32% berbanding anggaran 2007. Ini adalah kerana fokus MAIS pada tahun 2008 kepada badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat yang dijangka dapat meningkatkan jumlah kutipan Saham Wakaf Selangor. Sebanyak RM1 juta disasarkan dapat dikutip dari korporat dan anak-anak syarikat kerajaan pada tahun 2008, di samping potongan gaji bagi individu-individu.

3.6 Ringkasan pendapatan dan perbelanjaan MAIS bagi tahun 2008 adalah seperti berikut:

*KUMPULAN WANG ZAKAT (RM)*

| PERKARA | (2008) | (2007) | (2006) |
|---|---|---|---|
| KUTIPAN/PENERIMAAN | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 141,500,010.00 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 141,500,000.00 |
| PERBELANJAAN MODAL | | | |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| LEBIHAN/KURANGAN | 0.00 | 0.00 | 10.00 |

*KUMPULAN WANG BAITULMAL (RM)*

| PERKARA | (2008) | (2007) | (2006) |
|---|---|---|---|
| KUTIPAN/PENERIMAAN | 12,603,436.00 | 9,892,670.00 | 9,050,120.00 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | 11,124,640.00 | 10,200,930.00 | 11,229,010.00 |
| PERBELANJAAN MODAL | 4,039,220.00 | 1,133,470.00 | 12,270,050.00 |
| LIABILITI SEMASA | 980,000.00 | 920,000.00 | 845,010.00 |
| LEBIHAN/KURANGAN | (3,540,424.00) | (2,361,730.00) | (15,293,950.00) |

*KUMPULAN WANG WAKAF (RM)*

| PERKARA | (2008) | (2007) | (2006) |
|---|---|---|---|
| KUTIPAN/PENERIMAAN | 2,396,020.00 | 1,911,030.00 | 5,985,020.00 |
| TOLAK: | | | |
| PERBELANJAAN | 312,610.00 | 215,030.00 | 125,030.00 |
| PERBELANJAAN MODAL | 800,010.00 | 800,010.00 | 1,800,020.00 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| LEBIHAN/KURANGAN | 1,283,400.00 | 895,990.00 | 4,059,970.00 |

4. STRATEGI TAHUN 2008

4.1 Bajet 2008 memberi tumpuan kepada strategi berikut iaitu:

4.1.1 Pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlak.

4.1.2 Memajukan ekonomi yang perkasa.

4.1.3 Melaksanakan usaha-usaha dakwah yang berkesan.

4.1.4 Memastikan pengurusan kewangan dan harta yang cekap.

4.1.5 Memperkukuhkan pengurusan institusi agama.

4.1.1 Strategi Pertama: Pembentukan masyarakat berilmu, beramal, beriman dan berakhlak

(i) *Meningkatkan nilai modal insan*

Selaras dengan penekanan kerajaan dalam meningkatkan nilai modal insan, bajet 2008 menyediakan perancangan latihan tahunan untuk melahirkan kakitangan yang berilmu, beramal, beriman dan berakhlak.

Bagi meningkatkan modal insan sedia ada, MAIS telah memperuntukkan sebanyak RM190 ribu dari sumber Baitulmal untuk tujuan latihan pada tahun 2008. Di samping itu, sebanyak RM50 ribu diperuntukkan bagi pegawai dan kakitangan untuk melanjutkan pelajaran serta menambah ilmu dan nilai diri. LZS menerusi Tabung Pendidikan Fi Sabilillah telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta bagi tawaran melanjutkan pelajaran ke peringkat Ijazah Sarjana dan PhD. dalam Pengajian Islam.

Sebanyak RM60 ribu telah diperuntukkan pada tahun 2008 untuk pembelian bahan bercetak termasuk buku-buku, majalah dan bahan-bahan bacaan lain. Ini bagi meningkatkan pengetahuan kakitangan supaya lebih terbuka kepada isu semasa dan secara tidak langsung meningkatkan kreativiti serta menjadikan mereka lebih positif dan bersedia dengan cabaran dalam setiap tugasan yang diberikan.

(ii) Meneruskan usaha pembasmian kemiskinan

Di samping peruntukan sara hidup dan tempat tinggal, peruntukan yang besar untuk meningkatkan prestasi dan merubah taraf hidup keluarga menerusi pendidikan anak-anak asnaf akan diberi perhatian.

Sejumlah RM13.6 juta atau 21% daripada keseluruhan peruntukan asnaf fakir miskin diperuntukkan untuk agenda pendidikan asnaf fakir dan miskin dengan pecahan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Bantuan Yuran Sekolah | RM5.1 juta |
| Bantuan Keperluan Pendidikan | RM2.5 juta |
| Biasiswa Pelajaran | RM5 juta |
| Pengurusan Baitul Hasanah* | RM1 juta |
| JUMLAH | RM13.6 juta |

*Baitul Hasanah = Asrama penginapan anak-anak fakir miskin

(iii) *Mengangkat martabat insan di kalangan asnaf bagi memperkaya jati diri*

Asnaf fakir miskin yang telah didaftarkan serta seluruh anggota keluarga mereka wajar diberikan ilmu dan kemahiran bagi memperbaiki kehidupan, motivasi serta suntikan kerohanian dalam membina peribadi yang teguh jatidirinya.

Sejumlah RM5.1 juta diperuntukkan bagi keperluan pengendalian latihan dan kursus yang berpandukan kepada modul HIJRAH yang telah dibangunkan oleh LZS.

(iv) *Menjana kemajuan ummah menerusi pendidikan perdana*

Dalam memperjuangkan agenda pendidikan bagi umat Islam di Selangor khususnya, komitmen ini diterjemahkan dalam bentuk sokongan pembinaan prasarana dan sumber manusia, mewujudkan dermasiswa pelajaran yang tidak lagi terhad kepada bidang pengajian Islam serta memastikan keupayaan KUIS untuk terus maju sebagai institusi pendidikan Islam yang berjaya.

Sejumlah RM35 juta atau 50% daripada keseluruhan peruntukan asnaf Fisabilillah di salurkan untuk tujuan berikut:

| | |
|---|---|
| Elaun Guru Kafa | RM6 juta |
| Dermasiswa (pelbagai kategori) | RM6.02 juta |
| Bantuan Umum Pelajaran | RM4 juta |
| Pembinaan & Baik pulih sekolah agama | RM5 juta |
| Bantuan Keperluan Sekolah | RM1.98 juta |
| Pengurusan KUIS | RM12 juta |
| JUMLAH | RM35 juta |

4.1.2 Strategi Kedua: Memajukan ekonomi yang perkasa

(i) *Meningkatkan kutipan wang saham wakaf Selangor daripada ahli korporat dan syarikat-syarikat swasta*

Pada tahun 2008, tumpuan utama bagi meningkatkan hasil wakaf saham wakaf Selangor ialah dengan menjalankan aktiviti pemasaran yang lebih meluas kepada ahli-ahli korporat, badan-badan berkanun dan syarikat-syarikat milik kerajaan atau swasta. Sebagai langkah pertama, fokus akan lebih diberikan kepada badan-badan berkanun di Selangor dan syarikat-syarikat milik kerajaan.

Berdasarkan kepada prestasi kutipan saham wakaf pada tahun 2007, kutipan pada tahun 2008 akan meningkat sebanyak 15%. Peningkatan ini akan disokong dengan aktiviti-aktiviti wakaf yang berterusan terutamanya ketika bulan Rejab sebagai bulan wakaf tahunan.

Bagi memastikan sasaran kutipan dapat dicapai, MAIS memperuntukkan sebanyak RM132.6 ribu bagi membiayai kos-kos promosi saham wakaf Selangor termasuk kos percetakan dan pengiklanan.

(ii) *Memacu ekonomi ummah menerusi pembinaan keusahawanan dan program penjanaan pendapatan*

Resipi terbaik yang di ajar oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w dalam menangani kemiskinan adalah memberikan modal untuk berusaha walaupun hanya dengan menjual kayu api kerana itu jauh lebih baik daripada meminta-minta. Begitu juga ganjaran bagi mereka yang sanggup berhijrah untuk mencari nafkah halal buat tuntutan keluarga jauh lebih mulia pada pandangan Allah.

Bagi mengikut sunnah ini, asnaf fakir miskin akan dibekalkan dengan ilmu keusahawanan di samping mengenalpasti peluang-peluang perniagaan yang boleh mereka ceburi. Para asnaf yang menerima bantuan perniagaan ini akan dipantau dan dibimbing supaya keperluan dan masalah yang mereka hadapi dalam perniagaan boleh diatasi segera.

Bagi tujuan pembangunan ekonomi ini, sejumlah RM7.5 juta atau 13% daripada peruntukan asnaf miskin diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan, perniagaan, gantian alat-alat, kenderaan terutama dalam pengedaran, bengkel jahitan dan Industri Kecil Sederhana.

4.1.3 Strategi Ketiga: Melaksanakan usaha-usaha dakwah yang berkesan

(i) *Menyebarluaskan syiar Islam menerusi agenda dakwah*

Mesej Islam harus terus disebarkan menerusi pendekatan dakwah yang berkembang dan komprehensif. Dalam suasana masalah sosial dan keruntuhan akhlak masyarakat Islam sendiri, usaha dakwah bukan hanya tertumpu kepada menarik masyarakat bukan Islam kepada keindahan dan kemurnian Islam bahkan usaha juga perlu untuk menarik masyarakat Islam kembali kepada ajaran Islam yang sebenar.

Sejumlah RM6.8 juta diperuntukkan bagi melaksanakan pelbagai pendekatan dakwah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Program Outreach | RM0.3 juta |
| Forum dan Elaun guru agama | RM0.6 juta |
| Program penerapan Islam | RM1.2 juta |
| Elaun kaunselor sukarela | RM0.2 juta |

| | |
|---|---|
| Bantuan kepada NGO Islam | RM2 juta |
| Bahan Percetakan | RM2.5 juta |
| JUMLAH | RM6.8 juta |

(ii) *Memperkukuh agenda pembelaan saudara kita*

Saudara kita atau muallaf merupakan individu dan kumpulan yang turut menjadi keutamaan dalam pengagihan zakat. Mereka memerlukan perlindungan, bimbingan, pengetahuan dan sokongan kehidupan untuk menjadi muslim mukmin yang muttaqin.

Sejumlah RM9.32 juta diperuntukkan dari jumlah keseluruhan bajet agihan zakat kepada asnaf Muallaf.

(iii) *Mengemudi tuntutan kebajikan umat Islam*

Keamanan dan kesejahteraan ummah akan dirasai apabila tuntutan kebajikan dapat dipenuhi lebih-lebih lagi apabila sekumpulan umat Islam di uji dengan pelbagai cubaan dan musibah. Walaupun tidak dapat menyelesaikan 100% tuntutan keperitan dan penderitaan umat Islam pada ketika itu tetapi sumbangan sedikit yang dihulurkan tetap akan meringankan beban mereka.

Oleh itu, mereka yang terlibat dengan musibah kebakaran, ribut, banjir akan mendapat bantuan daripada MAIS termasuk orang-orang Islam yang menghidapi sakit kronik dan dibebani dengan kos rawatan yang besar.

Sejumlah RM1.56 juta diperuntukkan bagi bantuan kecemasan mangsa ribut, kebakaran dan banjir dari asnaf Fisabilillah dan RM13.05 juta diperuntukkan di bawah asnaf Gharimin (sebahagian besarnya untuk kos perubatan). Beberapa buah projek pusat dialisis di Kuala Selangor, Ampang dan Taman Melawati akan ditubuhkan pada tahun 2008 sebagai tambahan kepada pusat dialisis yang telah diwujudkan pada tahun 2007 di Shah Alam, Kapar dan Sungai Besar.

4.1.4 Strategi Keempat: Memastikan pengurusan kewangan dan harta yang cekap

(i) *Melaksanakan sistem maklumat komputer bersepadu terutamanya untuk laporan kewangan dan sewaan yang lebih tepat dan cepat*

MAIS, LZS dan KUIS telah berkembang dan menjadi organisasi besar dari segi pengurusan kakitangan, kewangan, harta, projek-projek pembangunan, aktiviti-aktiviti bersifat perniagaan dan pelajaran tinggi dan dengan demikian, penyediaan laporan yang tepat, bersistematik dan cepat untuk tujuan membuat keputusan dan dasar adalah amat penting.

MAIS telah memperuntukkan sebanyak RM43.2 ribu untuk kos membangunkan sistem sewaan maklumat bersepadu yang dijangka dapat mula diaplikasikan pada tahun kewangan 2008. KUIS yang telah diperuntukkan sebanyak RM1 juta sedang membangunkan sistem Kewangan Bersepadu (e-campus).

(ii) *Penyelenggaraan premis-premis sedia ada*

Bagi meningkatkan nilai premis-premis MAIS, perancangan membaik pulih dan menambahbaik bangunan telah dirancang pada tahun 2008. Sebanyak RM705 ribu diperuntukkan untuk membaik pulih premis-premis MAIS.

Satu akaun amanah 'sinking fund' juga telah ditubuhkan untuk menambahbaik keadaan premis-premis MAIS seperti mengecat semula bangunan yang lama.

4.1.5 Strategi Kelima: Memperkukuhkan pengurusan institusi agama

(i) *Memperkasakan MAIS melalui pewujudan MAIS Holdings*

Kini aktiviti MAIS lebih tertumpu kepada menentukan tahap pengurusan dan pentadbiran harian yang cekap, penggubalan dasar dan perancangan program untuk meningkatkan syiar Islam dan membangunkan ekonomi ummah. Menerusi masa, MAIS telah bergiat dengan aktif dalam perlaksanaan projek-projek pembangunan, hartanah, pembinaan dan perkhidmatan menerusi anak-anak syarikat seperti MAIS Corporation Sdn Bhd, MAIS Construction & Properties Sdn Bhd, MAIS Trading Sdn Bhd, MAIS Health Care Services Sdn Bhd, MAIS agro Based Industries Sdn Bhd, MAIS Travel & Tours Sdn Bhd dan MAIS Services Sdn Bhd (dahulunya dikenali dengan Bakti Suci).

Oleh itu, penyusunan semula organisasi MAIS bagi menentukan semula tugas dan tanggungjawab mengikut struktur yang lebih berkesan melibatkan penubuhan MAIS Holdings sedang dalam perlaksanaan. Ini akan menentukan peranan entiti masing-masing mengikut tanggungjawab dan akauntabiliti yang jelas sama ada sosial atau ekonomi.

(ii) *Menggerakkan institusi masjid sebagai pusat kecemerlangan ummah*

Institusi masjid hendaklah menjadi institusi penting dalam pembangunan masyarakat Islam. Kedudukannya sebagai pusat komuniti bagi sesebuah kariah menjadi tuntutan untuk masjid-masjid digerakkan dan diurus dengan sebaik mungkin.

Masjid-masjid akan dikelaskan mengikut saiz jemaah, keperluan dan keupayaan kewangan di sesebuah kariah. Bantuan-bantuan akan disalurkan kepada masjid-masjid yang masih bergantung pada MAIS atau kerajaan sehinggalah melepasi tahap berdikari.

Bagi memastikan institusi masjid ini terus memainkan peranannya sebagai pusat sehenti aktiviti ibadah masyarakat Islam setempat sejumlah RM15.53 juta atau 22% daripada peruntukan Fisabililah disalurkan dengan pecahan seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Elaun Pegawai & AJK Masjid | RM6 juta |
| Kursus Pegawai Masjid | RM0.06 juta |
| Bantuan kelengkapan masjid | RM2.5 juta |
| Pembinaan & baik pulih masjid dan surau | RM6.97 juta |
| JUMLAH | RM15.53 juta |

(iii) *Mewujudkan sebuah pengurusan yang cekap*

Jawatan-jawatan penting gred 52, 48 dan 44 akan diisi bagi memandu MAIS ke tahap yang lebih tinggi lagi berasaskan keperluan semasa. Melalui peruntukan Baitulmal, pertambahan peruntukan emolumen diperlukan sebanyak 53% pada tahun 2008 berbanding peruntukan tahun 2007 untuk mengisi jawatan-jawatan penting tersebut. Jumlah yang terlibat ialah RM5.2 juta berbanding anggaran 2007 sebanyak RM3.4 juta. Perbelanjaan ini merupakan pelaburan bagi memantapkan pengurusan MAIS dan diharap dengan itu dapat meningkatkan lagi keberkesanan MAIS untuk mencapai visinya.

Bagi menambahbaik pengurusan MAIS dan supaya dapat memberikan perkhidmatan yang cekap, MAIS telah menetapkan sasaran untuk mendapat pengiktirafan MS ISO 9001:2000 pada tahun 2008.

5.0 KESIMPULAN

Menerusi strategi dan peruntukan-peruntukan yang sederhana bagi melaksanakan program-program tahun 2008, MAIS sendiri dan anak-anak syarikatnya LZS, KUIS dan MAIS Corporation Sdn Bhd dengan sokongan kerajaan negeri dan jabatan-jabatan kerajaan lain juga dijangka terus dapat menjadikan MAIS sebagai institusi Islam yang terbaik ke arah pembangunan Ummah Negeri Selangor. Ini selaras dengan seksyen 7(1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003:

*‘Maka hendaklah menjadi kewajipan Majlis untuk menggalakkan, mendorong, membantu dan mengusahakan kemajuan dan kesejahteraan ekonomi dan sosial masyarakat Islam di dalam Negeri Selangor selaras dengan hukum syarak’*.

ANGGARAN PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SELANGOR TAHUN 2008

ZAKAT

| ANGGARAN PENDAPATAN | RM | RM |
|---|---|---|
| KUTIPAN ZAKAT | | |
| ZAKAT FITRAH | 11,560,000.00 | |
| ZAKAT HARTA | 135,117,000.00 | |
| ZAKAT PERNIAGAAN | 36,720,000.00 | |
| ZAKAT TANAMAN | 1,458,000.00 | |
| ZAKAT TERNAKAN | 10,000.00 | |
| ZAKAT EMAS & PERAK | 550,000.00 | |
| ZAKAT RIKAZ | — | |
| LAIN-LAIN PENDAPATAN | | |
| KEUNTUNGAN AKAUN SEMASA | 90,000.00 | |
| KEUNTUNGAN AKAUN PELABURAN | 330,000.00 | |
| JUMLAH PENDAPATAN | | 185,835,000.00 |

| ANGGARAN PERBELANJAAN | RM | RM |
|---|---|---|
| AGIHAN | | |
| ASNAF FAKIR | 6,600,000.00 | |
| ASNAF MISKIN | 59,150,000.00 | |
| ASNAF AMIL | 23,050,000.00 | |
| ASNAF MUALLAF | 9,320,000.00 | |
| ASNAF FISABILILLAH | 70,390,000.00 | |
| ASNAF GHARIM | 13,050,000.00 | |
| ASNAF IBNISABIL | 1,200,000.00 | |
| ASNAF RIQAB | 3,075,000.00 | |
| JUMLAH PERBELANJAAN MENGURUS | | 185,835,000.00 |
| JUMLAH KESELURUHAN | | — |

## RINGKASAN ANGGARAN KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT

| KOD | PERKARA | ANGGARAN (12 BULAN) 2008 RM | ANGGARAN (12 BULAN) 2007 RM | SEBENAR (6 BULAN) 2007 RM | SEBENAR (12 BULAN) 2006 RM | LAMPIRAN |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | KUTIPAN ZAKAT | | | | | 1 |
| 5101-000 | Zakat Fitrah | 11,560,000.00 | 10,682,000.00 | — | 9,896,315.00 | |
| 5102-000 | Zakat Harta | 135,117,000.00 | 116,522,000.00 | 48,125,271.09 | 120,684,679.00 | |
| 5103-000 | Zakat Perniagaan | 36,720,000.00 | 22,345,000.00 | 8,036,449.96 | 27,549,214.00 | |
| 5104-000 | Zakat Tanaman | 1,458,000.00 | 1,954,000.00 | 557,735.34 | 1,288,102.00 | |
| 5105-000 | Zakat Ternakan | 10,000.00 | 4,000.00 | 8,442.74 | 5,739.00 | |
| 5106-000 | Zakat Emas & Perak | 550,000.00 | 1,093,000.00 | 142,808.05 | 509,964.00 | |
| 5107-000 | Zakat Rikaz | — | — | — | — | |
| | JUMLAH KUTIPAN | 185,415,000.00 | 152,600,000.00 | 56,870,707.18 | 159,934,013.00 | |
| | LAIN-LAIN PENDAPATAN | | | | | |
| 5109-000 | Keuntungan Akaun Semasa | 90,000.00 | 500,000.00 | 43,334.14 | 88,468.00 | |
| 5110-000 | Keuntungan Akaun Pelaburan | 330,000.00 | 500,000.00 | 185,797.86 | 338,763.00 | |
| | JUMLAH LAIN-LAIN PENDAPATAN | 420,000.00 | 1,000,000.00 | 229,132.00 | 427,231.00 | |
| | JUMLAH KESELURUHAN | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 57,099,839.18 | 160,361,244.00 | |
| | AGIHAN | | | | | |
| 6201-000 | Asnaf Fakir | 6,600,000.00 | 8,550,000.00 | 703,575.59 | 2,589,451.00 | 2 |
| 6202-000 | Asnaf Miskin | 59,150,000.00 | 53,250,000.00 | 15,783,829.30 | 38,524,997.00 | 3 |
| 6203-000 | Asnaf Amil | 23,050,000.00 | 19,370,000.00 | 11,122,529.83 | 19,739,056.00 | 4 |
| 6204-000 | Asnaf Muallaf | 9,320,000.00 | 8,745,000.00 | 2,803,320.82 | 7,650,887.00 | 5 |
| 6205-000 | Asnaf Fisabilillah | 70,390,000.00 | 54,185,000.00 | 20,196,317.66 | 66,915,368.00 | 6 |
| 6206-000 | Asnaf Gharim | 13,050,000.00 | 7,850,000.00 | 5,037,971.53 | 9,999,254.00 | 7 |
| 6207-000 | Asnaf Ibnisabil | 1,200,000.00 | 750,000.00 | 66,710.00 | 445,736.00 | 8 |
| 6208-000 | Asnaf Riqab | 3,075,000.00 | 900,000.00 | 283,583.35 | 1,040,768.00 | 9 |
| | JUMLAH AGIHAN | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 55,997,838.08 | 146,905,517.00 | |

## ANGGARAN KUTIPAN ZAKAT 2008
Kod Belanjawan : 5100-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN KUTIPAN 2008 RM | ANGGARAN KUTIPAN 2007 RM | KUTIPAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | KUTIPAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 5101-000 | Zakat Fitrah | 11,560,000.00 | 10,682,000.00 | — | 9,896,315.00 |
| 5102-000 | Zakat Harta | 135,117,000.00 | 116,522,000.00 | 48,125,271.09 | 120,684,679.00 |
| 5103-000 | Zakat Perniagaan | 36,720,000.00 | 22,345,000.00 | 8,036,449.96 | 27,549,214.00 |
| 5104-000 | Zakat Tanaman | 1,458,000.00 | 1,954,000.00 | 557,735.34 | 1,288,102.00 |
| 5105-000 | Zakat Ternakan | 10,000.00 | 4,000.00 | 8,442.74 | 5,739.00 |
| 5106-000 | Zakat Emas & Perak | 550,000.00 | 1,093,000.00 | 142.808.05 | 509,964.00 |
| 5107-000 | Zakat Rikaz | — | — | — | — |
| 5109-000 | Keuntungan Akaun Semasa ** | 90,000.00 | 500,000.00 | 43,334.14 | 88,468.00 |
| 5110-000 | Keuntungan Akaun Pelaburan ** | 330,000.00 | 500,000.00 | 185,797.86 | 338,763.00 |
| | JUMLAH | 185,835,000.00 | 153,600,000.00 | 57,099,839.18 | 160,361,244.00 |

Nota: ** - Bukan merupakan item kutipan zakat, tetapi dimasukkan ke akaun zakat untuk maslahah asnaf. Merangkumi kutipan fidyah dan sedekah

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF FAKIR

Kod Belanjawan : 6201-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6201-001 | Saguhati Hari Raya | 1,000,000.00 | 2,000,000.00 | – | 226,000.00 |
| 6201-002 | Bantuan Makanan Bulanan | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 416,650.98 | 290,095.00 |
| 6201-003 | Bantuan Kewangan Bulanan | 2,000,000.00 | 2,000,000.00 | 194,450.00 | 1,431,200.00 |
| 6201-004 | Caruman Takaful Berkelompok | 500,000.00 | 500,000.00 | – | – |
| 6201-005 | Pengurusan Rumah Orang Tua | 150,000.00 | 200,000.00 | 26,483.02 | 70,463.00 |
| 6201-006 | Bantuan Perubatan | 50,000.00 | 150,000.00 | 846.00 | 1,260.00 |
| 6201-007 | Pembinaan Rumah Berkelompok | – | – | – | – |
| 6201-008 | Pembinaan Rumah Individu | 500,000.00 | 700,000.00 | 17,000.00 | 35,200.00 |
| 6201-009 | Membaikpulih Rumah | 300,000.00 | 300,000.00 | – | 24,500.00 |
| 6201-010 | Bantuan Sewa Rumah | 100,000.00 | 150,000.00 | 4,130.00 | 9,000.00 |
| 6201-011 | Bantuan Kecemasan/ Runcit Fakir | 100,000.00 | 200,000.00 | 975.59 | 11,041.00 |
| 6201-012 | Projek AHSAF | 150,000.00 | 500,000.00 | 40,020.00 | 63,734.00 |
| 6201-013 | Bantuan Yuran Sek Ren/Men | 100,000.00 | 500,000.00 | – | – |
| 6201-014 | Bantuan Keperluan Pendidikan | 500,000.00 | 200,000.00 | – | 376,083.00 |
| 6201-015 | Kursus/Latihan kepada Fakir | 100,000.00 | 100,000.00 | 3,020.00 | 50,875.00 |
| 6201-016 | Pengurusan Jenazah Fakir | 50,000.00 | 50,000.00 | – | – |
| | JUMLAH | 6,600,000.00 | 8,550,000.00 | 703,575.59 | 2,589,451.00 |

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF MISKIN

Kod Belanjawan : 6202-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6202-001 | Saguhati Hari Raya | 9,000,000.00 | 10,500,000.00 | – | 7,538,150.00 |
| 6202-002 | Bantuan Makanan Bulanan | 2,000,000.00 | 2,000,000.00 | 319,581.57 | 1,113,327.00 |
| 6202-003 | Bantuan Kewangan Bulanan | 11,000,000.00 | 12,000,000.00 | 4,816,478.00 | 5,706,000.00 |
| 6202-004 | Caruman Takaful Berkelompok | 500,000.00 | 1,000,000.00 | 154,118.11 | 367,025.00 |
| 6202-005 | Sambutan Hari Kebesaran Islam | 500,000.00 | 600,000.00 | 72,180.00 | 305,647.00 |
| 6202-006 | Aset Tetap Miskin | | 800,000.00 | – | 30,620.00 |
| 6202-007 | Bantuan Perubatan | 500,000.00 | 1,500,000.00 | 83,433.85 | 167,461.00 |
| 6202-008 | Pembinaan Rumah Berkelompok | 1,000,000.00 | 2,000,000.00 | 614,483.00 | 1,425,554.00 |
| 6202-009 | Pembinaan Rumah Individu | 5,000,000.00 | 3,500,000.00 | 1,172,885.75 | 3,716,012.00 |
| 6202-010 | Membaikpulih Rumah | 3,000,000.00 | 1,000,000.00 | 421,985.16 | 2,144,656.00 |
| 6202-011 | Bantuan Sewa Rumah | 500,000.00 | 500,000.00 | 178,184.81 | 312,036.00 |
| 6202-012 | Bantuan Kecemasan/ Runcit Miskin | 400,000.00 | 200,000.00 | 294,695.77 | 132,950.00 |
| 6202-013 | Pengurusan Bengkel Jahitan | 2,000,000.00 | 1,200,000.00 | 1,777,701.15 | 823,419.00 |
| 6202-014 | Bantuan Perniagaan | 2,000,000.00 | 1,000,000.00 | 456,461.29 | 818,890.00 |
| 6202-015 | Bantuan Perikanan | 500,000.00 | 300,000.00 | 43,100.00 | 251,800.00 |
| 6202-016 | Bantuan Penternakan | 500,000.00 | 300,000.00 | 14,600.00 | 13,000.00 |
| 6202-017 | Bantuan Pertanian | 500,000.00 | 400,000.00 | 29,800.00 | 34,200.00 |
| 6202-018 | DAM (Projek Usahawan B'kelompok) | 2,000,000.00 | 2,000,000.00 | 468,091.57 | 1,194,372.00 |

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6202-019 | Bantuan Yuran Sek Ren/Men | 5,000,000.00 | 5,000,000.00 | 87,629.19 | 3,698,679.00 |
| 6202-020 | Bantuan Keperluan Pendidikan | 2,000,000.00 | 1,500,000.00 | 493,049.06 | 1,314,166.00 |
| 6202-021 | Biasiswa Pelajaran | 5,000,000.00 | 2,200,000.00 | 922,245.20 | 3,685,907.00 |
| 6202-022 | Kursus/Latihan kepada Miskin Produktif | 5,000,000.00 | 3,700,000.00 | 2,815,020.71 | 3,253,297.00 |
| 6202-023 | Pengurusan Jenazah Miskin | 100,000.00 | 50,000.00 | 7,960.00 | 21,670.00 |
| 6202-024 | Pusat Komuniti | 150,000.00 | | 10,480.81 | – |
| 6202-025 | Pengurusan Baitul Hasanah | 1,000,000.00 | | 529,664.30 | 485,609.00 |
| | JUMLAH | 59,150,000.00 | 53,250,000.00 | 15,783,829.30 | 38,554,447.00 |

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF AMIL

Kod Belanjawan : 6203-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6203-001 | Amil Zakat Fitrah | 1,350,000.00 | 1,300,000.00 | – | 1,236,583.00 |
| 6203-002 | Amil Zakat Padi | 150,000.00 | 170,000.00 | – | – |
| 6203-015 | Upah Amil Kutipan* | 21,550,000.00 | 17,700,000.00 | 11,122,529.83 | 18,502,473.00 |
| | JUMLAH | 23,050,000.00 | 19,170,000.00 | 11,122,529.83 | 19,739,056.00 |

*NOTA: * Pulangan Balik - Kod ini adalah item bukan agihan Zakat hanya diperuntukkan bagi mengeluarkan semula kutipan zakat atau pendapatan bukan zakat yang telah di bank in dalam akaun Zakat.

* Upah kpd Amil Agen Kutipan - Peruntukan Upah berdasarkan kutipan zakat yang layak dituntut oleh LZS dan lain-lain agen lantikan.

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF MUALLAF

Kod Belanjawan : 6204-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 (12 BULAN) RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6204-001 | Saguhati Hari Raya | 1,200,000.00 | 750,000.00 | – | 1,004,800.00 |
| 6204-002 | Bantuan Kewangan Bulanan | 1,100,000.00 | 325,000.00 | 459,830.00 | 953,750.00 |
| 6204-003 | Saguhati Galakan Saudara Baru | 100,000.00 | 250,000.00 | 23,300.00 | 40,200.00 |
| 6204-004 | Sambutan Hari Kebesaran Islam | 150,000.00 | 300,000.00 | 17,926.97 | 123,245.00 |
| 6204-005 | Percetakan/ Penerbitan | 100,000.00 | 180,000.00 | 40,376.64 | 47,830.00 |
| 6204-006 | Belanja Pengurusan Unit Muallaf | 200,000.00 | 200,000.00 | 108,242.22 | 174,411.00 |
| 6204-007 | Peralatan Penyelenggaraan Komputer | 120,000.00 | 250,000.00 | 50,680.00 | 101,055.00 |
| 6204-008 | Program Ceramah Muallaf | 100,000.00 | 150,000.00 | 51,900.00 | 41,044.00 |
| 6204-009 | Bantuan Berkhatan | 50,000.00 | 200,000.00 | 1,360.00 | 8,034.00 |
| 6204-010 | Bantuan Perkahwinan | 120,000.00 | 500,000.00 | 43,000.00 | 103,350.00 |
| 6204-011 | Sumbangan Badan/ Persekutuan Saudara Baru | 50,000.00 | 250,000.00 | 4,972.80 | 1,143.00 |
| 6204-012 | Pembinaan Rumah Berkelompok | – | 750,000.00 | 140.00 | – |
| 6204-013 | Pembinaan Rumah Individu | 500,000.00 | 400,000.00 | 159,500.00 | 441,000.00 |
| 6204-014 | Membaikpulih Rumah | 100,000.00 | 250,000.00 | 29,320.00 | 83,000.00 |
| 6204-015 | Bantuan Sewa Rumah | 120,000.00 | 120,000.00 | 56,516.00 | 81,169.00 |
| 6204-016 | Pengurusan Rumah Perlindungan | 150,000.00 | 150,000.00 | 34,452.53 | 86,020.00 |

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 (12 BULAN) RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6204-017 | Bantuan Kecemasan/ Runcit | 100,000.00 | 150,000.00 | 40,039.19 | 70,697.00 |
| 6204-018 | Bantuan Modal perniagaan | 100,000.00 | 400,000.00 | 5,000.00 | 102,800.00 |
| 6204-019 | Lawatan Sambil Belajar | 350,000.00 | 200,000.00 | 162,625.80 | 318,246.00 |
| 6204-020 | Elaun Menghadiri Kelas Agama Asas | 1,800,000.00 | 1,100,000.00 | 780,562.58 | 1,524,895.00 |
| 6204-021 | Elaun Guru Agama Kelas Agama Asas | 330,000.00 | 300,000.00 | 17,655.00 | 277,950.00 |
| 6204-022 | Elaun Kakitangan Unit Dakwah | 460,000.00 | – | 53,395.39 | 392,534.00 |
| | JUMLAH KECIL | 7,300,000.00 | 7,175,000.00 | 2,140,795.12 | 5,977,173.00 |
| 6204-023 | Bantuan Umum Pelajaran | 100,000.00 | 250,000.00 | 13,528.20 | 71,816.00 |
| 6204-024 | Dermasiswa Muallaf | 1,200,000.00 | 550,000.00 | 413,832.00 | 951,976.00 |
| 6204-025 | Kursus/Latihan | 500,000.00 | 500,000.00 | 222,935.00 | 464,355.00 |
| 6204-026 | Pengurusan Jenazah Muallaf | 20,000.00 | 20,000.00 | 12,230.50 | 13,887.00 |
| 6204-027* | Aset Tetap Muallaf | 200,000.00 | 250,000.00 | – | 171,680.00 |
| | JUMLAH KECIL | 2,020,000.00 | 1,570,000.00 | 662,525.70 | 1,673,714.00 |
| | JUMLAH BESAR | 9,320,000.00 | 8,745,000.00 | 2,803,320.82 | 7,650,887.00 |

* NOTA: Kod ini telah digugurkan untuk Belanjawan 2002 tetapi digunapakai semula mulai Belanjawan 2004 Pindaan nama item (asal Gaji Kakitangan muallaf). Peruntukan bagi kod ini tertakluk kepada kelulusan pestrukturan perjawatan.

* Kelayakan perbelanjaan bagi emolumen kakitangan lantikan kontrak MAIS adalah berdasarkan terma dan syarat perkhidmatan yang digunapakai oleh pihak MAIS.

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF FISABILILLAH

Kod Belanjawan : 6205-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6205-001 | Program Out Reach | 300,000.00 | 350,000.00 | 61,100.00 | 221,306.00 |
| 6205-002 | Elaun Guru Agama/ Penceramah | 500,000.00 | 500,000.00 | 99,316.20 | 448,885.00 |
| 6205-003 | Program Forum/ Ceramah Agama | 100,000.00 | 100,000.00 | 44,200.00 | 50,350.00 |
| 6205-004 | Elaun Bulanan Kepada Peg. Masjid | 5,000,000.00 | 4,000,000.00 | 4,389,719.00 | 4,406,740.00 |
| 6205-005 | Bantuan Kepada Persatuan Islam/ Badan Kebajikan | 2,000,000.00 | 1,000,000.00 | 820,698.27 | 1,774,588.00 |
| 6205-006 | Kursus Pegawai Masjid | 60,000.00 | 50,000.00 | 18,100.00 | 47,950.00 |
| 6205-007 | Elaun Tahunan AJK Masjid | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | – | 862,300.00 |
| 6205-008 | Imbuhan Kepada Pen. Pendaftar Nikah dan Imam Rawatib | 60,000.00 | 50,000.00 | 14,000.00 | 46,000.00 |
| 6205-009 | Elaun Guru KAFA | 6,000,000.00 | 3,000,000.00 | 5,609,202.96 | 2,868,788.00 |
| 6205-010 | Saguhati Kaunselor Penguatkuasa | – | 10,000.00 | – | – |
| 6205-011 | Program Penerapan Islam | 1,200,000.00 | 1,000,000.00 | 397,226.03 | 1,057,392.00 |
| 6205-012 | Emolumen Kakitangan MAIS Golongan Fisabilillah (**) | 9,500,000.00 | 9,000,000.00 | – | 10,386,493.00 |
| 6205-013 | Saguhati Kaunselor Sukarela | 200,000.00 | 150,000.00 | 64,530.00 | 156,243.00 |
| 6205-014 | Dermasiswa Hafiz Al-Quran | 500,000.00 | 1,000,000.00 | 109,520.00 | 321,860.00 |
| 6205-015 | Bantuan Percetakan/ Penerbitan | 2,500,000.00 | 150,000.00 | 616,180.00 | 2,427,965.00 |
| 6205-016 | Dermasiswa Pel.Bel. Di Luar Negara | 3,300,000.00 | 2,500,000.00 | 2,309,000.00 | 2,876,249.00 |
| 6205-017 | Dermasiswa Pel. Bel. Dalam Negara | 1,500,000.00 | 1,500,000.00 | 462,696.50 | 524,000.00 |

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6205-018 | Dermasiswa Pelajar Cemerlang | 100,000.00 | 50,000.00 | – | 65,000.00 |
| 6205-019 | Dermasiswa Kecil Pelajar SAMR/T | 620,000.00 | 400,000.00 | 1,080.00 | 526,680.00 |
| 6205-020 | Bantuan Umum Pelajaran | 4,000,000.00 | 2,000,000.00 | 2,005,688.68 | 2,858,797.00 |
| 6205-021 | Bantuan Kecemasan | 200,000.00 | 200,000.00 | 37,921.00 | 55,027.00 |
| 6205-022 | Bantuan Kecemasan (Banjir) | 500,000.00 | 200,000.00 | 109,800.00 | 133,200.00 |
| 6205-023 | Bantuan Kecemasan (Ribut) | 500,000.00 | 200,000.00 | 74,100.00 | 135,750.00 |
| | JUMLAH KECIL | 39,640,000.00 | 28,410,000.00 | 17,244,078.64 | 32,251,563.00 |
| 6205-024 | Bantuan Kecemasan (Kebakaran) | 360,000.00 | 350,000.00 | 143,000.00 | 305,400.00 |
| 6205-025 | Bantuan Karpet Masjid/Surau | 2,000,000.00 | 1,000,000.00 | 215,952.00 | 1,015,158.00 |
| 6205-026 | Bantuan Peralatan Masjid/Surau | 500,000.00 | 1,000,000.00 | 79,400.00 | 299,167.00 |
| 6205-027 | Pembinaan Baikpulih Masjid | 1,500,000.00 | 1,500,000.00 | 148,000.00 | 600,428.00 |
| 6205-028 | Pembinaan Baikpulih Surau | 5,470,000.00 | 2,000,000.00 | 868,470.00 | 4,008,255.00 |
| 6205-029 | Pembinaan Baikpulih Surau Sekolah | 1,000,000.00 | 1,575,000.00 | 331,180.00 | 575,995.00 |
| 6205-030 | Pembinaan/ Pembangunan Institusi Agama Luar Negara | 500,000.00 | 150,000.00 | 25,000.00 | 188,409.00 |
| 6205-031 | Pembinaan/ Baikpulih Sekolah Agama | 4,000,000.00 | 4,000,000.00 | 237,650.20 | 2,058,637.00 |
| 6205-032 | Bantuan Keperluan Sekolah | 1,980,000.00 | 700,000.00 | 539,125.00 | 1,588,954.00 |
| 6205-033 | Pembinaan/ Baikpulih Institusi Agama | 1,440,000.00 | 1,500,000.00 | 88,223.50 | 1,023,402.00 |
| 6205-034 | Peruntukan Pengurusan KUIS* | 12,000,000.00 | 12,000,000.00 | – | 12,000,000.00 |
| 6205-035 | Pembinaan Fak. Perundangan KUIS | – | – | – | 7,000,000.00 |

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6205-036 | Pembinaan Pusat Pemulihan Dadah | – | – | – | 4,000,000.00 |
| | JUMLAH KECIL | 30,750,000.00 | 25,775,000.00 | 2,676,000.70 | 34,663,805.00 |
| | JUMLAH BESAR | 70,390,000.00 | 54,185,000.00 | 19,920,079.34 | 66,915,368.00 |

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF GHARIM

Kod Belanjawan : 6206-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6206-001 | Hutang Kerana Keperluan Hidup | 1,000,000.00 | 1,000,000.00 | 438,610.60 | 587,891.00 |
| 6206-002 | Hutang Bdn Persatuan Untuk Masalah Umat | 150,000.00 | 150,000.00 | 41,772.00 | 71,780.00 |
| 6206-003 | Hutang Rawatan/ Sumbangan Mesin Dialisis | 10,000,000.00 | 5,000,000.00 | 3,915,665.22 | 8,490,965.00 |
| 6206-004 | Hutang Perubatan | 1,700,000.00 | 1,500,000.00 | 605,411.71 | 763,238.00 |
| 6206-005 | Bantuan Mengurus Jenazah Tanpa Waris | 200,000.00 | 200,000.00 | 36,512.00 | 85,380.00 |
| | JUMLAH | 13,050,000.00 | 7,850,000.00 | 5,037,971.53 | 9,999,254.00 |

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF IBNISABIL

Kod Belanjawan : 6207-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6207-001 | Bantuan Tiket Perjln Pergi/Balik | 1,000,000.00 | 600,000.00 | 50,500.00 | 402,294.00 |
| 6207-002 | Bantuan Pelajar Luar Negara | 100,000.00 | 50,000.00 | 5,000.00 | 29,000.00 |

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6207-003 | Bantuan Musafir | 100,000.00 | 100,000.00 | 11,210.00 | 14,442.00 |
| | JUMLAH | 1,200,000.00 | 750,000.00 | 66,710.00 | 445,736.00 |

ANGGARAN AGIHAN ZAKAT 2008
ASNAF RIQAB

Kod Belanjawan : 6208-000

| SUB KOD | BUTIR BELANJAWAN | ANGGARAN AGIHAN 2008 RM | ANGGARAN AGIHAN 2007 RM | AGIHAN SEBENAR 2007 (6 BULAN) RM | AGIHAN SEBENAR 2006 RM |
|---|---|---|---|---|---|
| 6208-001 | Program Pemulihan Aqidah | 1,287,500.00 | 400,000.00 | 110,761.85 | 401,108.00 |
| 6208-002 | Program Pemulihan Akhlak | 1,287,500.00 | 500,000.00 | 172,821.50 | 139,660.00 |
| 6208-003 | Pusat Pemulihan Dadah | 500,000.00 | | | 500,000.00 |
| | JUMLAH | 3,075,000.00 | 900,000.00 | 283,583.35 | 1,040,768.00 |

TAKRIFAN ASNAF

*ASNAF FAKIR*

Takrifan:

“Fakir ialah orang Islam yang tidak mempunyai harta atau pekerjaan atau ada pekerjaan tetapi tidak halal atau ada pendapatan tetapi tidak mencapai 50 peratus dari had kifayah untuk keperluan diri atau keperluan diri tanggungannya.”

Konsep agihan asnaf fakir adalah seperti berikut:

- Memajukan dan mengeluarkan fakir dari kategori asnaf
- Menampung keperluan asasi sehingga mencukupi (kifayah)
- Membantu pendidikan anak-anak
- Membantu sebarang usaha meningkatkan taraf hidup

Pemilihan golongan fakir di negeri Selangor adalah berdasarkan proses bancian mengikut kadar haddul kifayah yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa FATWA Negeri Selangor.

*ASNAF MISKIN*

Takrifan:

"Miskin ialah orang Islam yang mempunyai harta atau pendapatan halal yang hanya boleh menampung 50% untuk keperluan diri atau keperluan diri dan tanggungan tetapi tidak mencukupi had kifayah"

Konsep agihan asnaf miskin adalah seperti berikut:

- Memajukan dan mengeluarkan miskin dari kategori asnaf
- Menampung keperluan asasi sehingga mencukupi
- Pengagihan dalam bentuk zat dan manfaat
- Menjalankan dan memajukan usaha-usaha pengembangan ekonomi
- Membantu pendidikan anak-anak
- Sebarang usaha meningkatkan taraf hidup

Pemilihan golongan fakir di negeri Selangor adalah berdasarkan proses bancian mengikut kadar haddul kifayah yang telah diluluskan oleh Jawatankuasa FATWA Negeri.

*ASNAF AMIL*

Takrifan:

"Amil ialah orang Islam yang dilantik oleh Sultan untuk menjalankan tugas-tugas pemungutan dan pengagihan Zakat secara khusus"

Konsep agihan asnaf amil adalah seperti berikut:

- Ganjaran yang diberi adalah berdasarkan upah (jumlah maksimum 1/8 bhgn dari jumlah kutipan)
